

# CABARAN TAMADUN ISLAM DALAM ERA PEMBARATAN\*\* : SATU SOROTAN

Oleh  
Abdullah Yusof\*

## Abstract

*The Muslim world is currently plagued with almost nothing but negative attributes of a civilization. It must be regrettably acknowledged that Western Civilization's short-comings and weaknesses are no fewer than its advantages. The muslim countries are undoubtedly associated with underdevelopment, backwardness, poverty, inequitable income and wealth distribution, high inflation, accute illeretacy and serious unemployment, economic and political instability, etc. Islam wants its followers to be self sufficient, independent and progressive as a resut of Islamis Practice. Therefore, this article will focus on some major challengges related to Islamic Civilization in Westernizational Era.*

## PENDAHULUAN

Kajian mengenai Tamadun Islam sering memberi tumpuan terhadap peningkatan dan kemajuan sesebuah masyarakat dalam semua aspek kehidupan bagi tempoh tiada batasan atau sempadan di samping mengkaji bagaimana kaitan antara tamadun dengan Islam boleh menyumbang kepada dunia dan umatnya. Matlamat di sini jelas, iaitu untuk mengambil iktibar, mengkaji dan memperbaiki kesilapan masa lalu untuk membina masa depan yang lebih gemilang tanpa mengeneipkan hubungan antara manusia dengan pencipta, yakni Allah s.w.t. Tulisan ini, meskipun terhad ruang pembicaraannya, cuba menyingkap beberapa isu yang sering dikaitkan dengan

\*Pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

\*\*Pembaratan atau *Westernization* merupakan proses membaratkan (sesebuah negara) atau memperkenalkan kebudayaan (tamadun) Barat ke dalam sesebuah negara atau di segi idea, institusi dan sebagainya. Lihat H.W. Fowler dan F.G. Fowler (eds.), *The Concise Oxford Dictionary*, Oxford University Press, 1964, hlm. 1483; *Kamus Dwibahasa*, cet. Ke 4, DBP, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 1428.

ketidakupayaan umat Islam atau negara Islam mengimplementasikan segala input yang dimiliki atau diwarisi oleh mereka bagi menjelmakan asas yang kukuh untuk menyaingi serta menundukkan tamadun Barat sebagai model dan palingan negara-negara di dunia dalam era globalisasi yang menuju ke milinium baru.

## SEJARAH DAN KONSEP PEMBINAAN TAMADUN ISLAM

Di segi sejarah, usia pembinaan Tamadun Islam adalah sama dengan kelahiran agama Islam. Nabi Muhammad s.a.w.<sup>1</sup> menyampaikan risalah tauhid dan syariat Islam bermula di tengah-tengah masyarakat jahiliyyah agar mereka dapat mengenali diri mereka, memperhambakan diri kepada pencipta<sup>2</sup> dan seterusnya mempersiapkan diri untuk menjadi khalifah di muka bumi. Usaha ini diteruskan selepas Hijrah ke Madinah pada tahun 622 Masehi dengan tertubuhnya kerajaan Islam pertama di situ yang akhirnya menjadi tunjang kepada perkembangan Tamadun Islam pada tahap awal.<sup>3</sup> Beribu tahun sebelum itu Allah s.w.t. menciptakan Adam a.s, kemudiannya Hawa dan seterusnya lahirlah zuriat yang tersebar di seluruh dunia. Manusia memiliki rupa bentuk fizikal yang lengkap, sempurna, indah dan seimbang,<sup>4</sup> lelaki dan perempuan dengan sedikit perbezaan biologi dan psikologi.

Manusia juga dilengkapi dengan fikiran, rasa kasih sayang, hormat menghormati dan lain-lain. Mereka juga mampu membiak dan melahirkan beberapa bentuk dan rupa bangsa, umat, suku kaum, etnik,<sup>5</sup> dengan menggunakan pelbagai bahasa dan dialek pertuturan, bentuk pakaian, cara hidup, warna kulit, bentuk rupa, saiz badan, cara berfikir dan bertindak serta lain-lain. Kesemua ini merupakan

---

<sup>1</sup>Mengenai proses Nubuwwah (kenabian) sehinggalah Muhammad s.a.w. dan Bani Hashim serta Bani Muttalib diboikot oleh musyrikin Mekah, lihat kitab-kitab rijal karya Aban bin `Uthman, (32-105 H), `Urwah bin al-Zubayr (23-93 H), `Abd Allah bin Abu Bakr al-Ansari (w. 135 H), Muhammad bin Muslim bin Shihab al-Zuhri (50-124 H) dan `Asim bin `Amar bin Qatadah al-Ansari (w.129 H); kitab-kitab sirah karya Muhammad bin Ishaq (w. 51 H) dan al-Ya`qubi (w.284 H); kitab tabaqat seperti karya Ibn Sa`d (w.230 H); kitab-kitab tarikh karya al-Tabari (224-310 H) dan lain-lain sepertimana dipetik oleh Mustafa al-Siba'ii, *al-Sirah al-Nabawiyah: Durus wa 'Ibar*, Damaskus, 1381 H, hlm. 43-51.

<sup>2</sup>Lihat al-Qur'an, Surah al-Dharyat, 51: 56.

<sup>3</sup>Lihat Mustafa al-Siba'ii, *op.cit*, hlm. 69 - 76.

<sup>4</sup>Lihat al-Qur'an, Surah al-Tin, 95:4.

<sup>5</sup>Lihat al-Qur'an, Surah al-Hujurat, 49: 13 .

elemen-elemen yang mempengaruhi proses kelahiran dan perkembangan tamadun umat manusia.

Sebelum lahir Tamadun Islam telahpun wujud tamadun Parsi, India, Yunani, Mesir, Romani dan Arab sendiri (Jahiliyyah). Profesor Ahmet Davutoglu, seorang sarjana dari Universiti Istanbul, Turki telah membuat kajian teliti mengenai tamadun-tamadun dunia. Menurut beliau, daripada sebanyak 26 peradaban yang pernah muncul di dunia, 16 di antaranya telah terkubur manakala yang lain kini menghadapi pelbagai ancaman dari pelbagai unsur termasuk dari Barat. Antara tamadun yang masih kekal ialah Tamadun Islam, China, Rusia, Hindu, China Timur, Jepun, Polynesia, Eskimo, Normadic dan Kristian di kawasan timur yang kini menghadapi ancaman di dalam gelombang pembangunan yang terlalu pesat.<sup>6</sup>

Di segi definisi, terdapat beberapa pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana samada sarjana Barat mahupun sarjana Islam. Di kalangan sarjana Barat kita diketemukan dengan tokoh-tokoh seperti Clive Bell, Robert Haini, Riberio dan Arnold J. Toynbee.<sup>7</sup> Mereka umumnya merujuk tamadun sebagai suatu ciri yang membezakan antara masyarakat maju dengan yang mundur termasuk di segi kebudayaan dan pencapaian manusia, tatacara hidup mahupun peluang-peluang untuk kemajuan manusia dan spiritual.

Di kalangan sarjana Islam, tokoh seperti Ibn Khaldun<sup>8</sup> mentafsirkan tamadun sebagai segala kemewahan hidup dan setiap usaha untuk mempertingkatkan perindustrian yang digunakan oleh berbagai-bagai sektor. Manakala Dr. Muhammad Baki merujuk tamadun kepada segala usaha dan dayacipta dari manusia dengan menggunakan akal, perasaan dan tingkah laku. Ia dimaksudkan juga dengan

---

<sup>6</sup>Untuk huraian lanjut lihat Prof. Ahmet Davutoglu, "*Kebudayaan Dunia Menentang Budaya Majmuk: Peradaban Hegemoni atau Dialog Peradaban dan Interaksi*", Kertas Kerja yang dibentangkan pada hari kedua Seminar Antarabangsa Dialog dan Peradaban Ketiga, anjuran Pusat Dialog Peradaban di Universiti Malaya, 16 Sept. 1977.

<sup>7</sup>Dilahirkan pada 14 April, 1889 dan meninggal dunia pada 22 Oktober 1975. Seorang ahli sejarah dan falsafah British. Bekas Pengarah Royal Institute of International Affairs dan Profesor Sejarah di Universiti of London. Karyanya *Monumental Study of History* (12 Vols. 1934 - 61) banyak dikritik oleh para sejarahwan sebagai spekulatif. Lihat *The 1997 Grolier Multimedia Encyclopedia* untuk maklumat lanjut.

<sup>8</sup>Ibn Khaldun dilahirkan pada 27 Mei 1332 dan meninggal dunia pada 16 Mac 1406M, merupakan pakar dalam bidang sejarah, sosiologi dan falsafah. Karyanya *Kitab al-'Ibar* merupakan karya agung yang mengemukakan alasan bagi kebangkitan dan kejatuhan tamadun umat manusia, lihat *Ibid*, untuk detail.

falsafah, ilmu pengetahuan, agama, kesenian, kesusasteraan, akhlak dan perkara-perkara lain yang menerima peningkatan dan pembangunan.

Sarjana tempatan seperti Syed Muhammad Naquib al-'Attas mengatakan bahawa tamadun bermaksud kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatatusila dan kebudayaan yang luhur bagi masyarakatnya. Abu Bakar Hamzah pula merumuskan tamadun sebagai sesuatu yang lahir dan berkembang bersama dengan kehidupan manusia samada berupa niskala (*abstrak*) mahupun yang berupa sekala (*material*).

Di segi konsep, Tamadun Islam merupakan segala yang dihasilkan oleh fikiran penganut agama Islam menurut wataknya dan panduan agama Islam sendiri yang kemudiannya turut diperkembangkan oleh bangsa Sepanyol, Parsi, Turki, India dan lain-lain yang bersama-sama membina tamadun Islam. Justeru itu tamadun Islam adalah bersifat global kerana ia mencakupi pelbagai bidang tanpa sempadan politik dan geografi.<sup>9</sup> Sehubungan dengan itu, Profesor Mohd Yusoff Hashim mengingatkan kita bahawa dunia sedang dan akan rancak berhadapan dengan gelombang ketiga dalam tamadun manusia, gelombang maklumat dan segala macam teknologi yang dikaitkan dengannya, selepas melalui gelombang ketamadunan pertama dan kedua, pertanian dan industri.<sup>10</sup> Kebimbangan ini selari dengan pandangan Profesor Mahayudin Haji Yahya bahawa penganut agama Islam mesti mempelajari dan harus merasa bangga di atas kejayaan dan pencapaian umat Islam zaman lampau serta berusaha untuk mengembalikan zaman kegemilangan itu dengan lebih yakin dan tabah.<sup>11</sup>

## KESILAPAN DAN KELEMAHAN IMPLEMENTASI

Berbanding tamadun-tamadun yang pernah wujud, terdapat perbezaan jelas antara Tamadun Islam dengan Tamadun Barat terutama di segi matlamat dan cita-

---

<sup>9</sup>Lihat Abdullah Yusof, "*Matlamat Pembelajaran Tamadun Islam*", *Dakwah*, (Dis.), Yadim, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 71.

<sup>10</sup>Lihat Prof. Dato' Dr. Mohd Yusoff Hashim, "*Sejarah STPM Dalam Era Globalisasi*", kertas kerja yang dibentangkan dalam Taklimat Pendedahan Sukatan Pelajaran Baru, anjuran Majlis Peperiksaan Malaysia, di Pulau Pinang pada 14 - 16 Mac 1997, hlm. 3.

<sup>11</sup>Lihat Prof. Dr. Mahayudin Hj. Yahya, "*Tamadun Islam Hingga Tahun 1800 - Skop dan Pendekatan*", kertas kerja yang dibentangkan dalam Taklimat Pendedahan Sukatan Pelajaran Baru, anjuran Majlis Peperiksaan Malaysia, di Pulau Pinang pada 14 - 16 Mac 1997, hlm. 17.

cita, walaupun Tamadun Barat sering dilihat sebagai simbol keagungan dan model kecapaian serta ketinggian masa kini. Tamadun Barat hanya bercita-cita melahirkan hubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan alam sekitar atas dasar perhubungan yang berbentuk kebendaan atau material tanpa mengambil kira ciri-ciri moral dan spiritual. Ini berbeza dengan pembinaan Tamadun Islam yang bercita-cita melahirkan keharmonian antara tiga sudut; manusia dengan pencipta (Allah s.w.t.), manusia dengan manusia dan manusia dengan alam.

Berbanding dengan penganut agama lain, umat Islam dikatakan maju pada abad ke 8 hingga ke 12 Masehi dan mencapai kemuncak sekitar abad ke 15 Masehi atau tahun 1428 yang berakhir dengan keruntuhan Empayar 'Uthmaniah. Seperti yang selalu kita himbaskan, umat Islam pernah mencipta penemuan-penemuan besar dan agung dalam tamadun umat manusia sehingga melahirkan kebudayaan yang begitu kompleks, serlahan sejak era Umayyah dan dilanjutkan pada era 'Abbasiyah sehinggalah Mongol menyerang dan memusnahkan Kota Baghdad pada tahun 1358M. Begitu juga era Kerajaan Islam di Sepanyol sehingga tentera Nasrani menakluki kota Granada pada tahun 1492M. Sayangnya, kejayaan-kejayaan ini turut membawa kesan negatif dan sama-sama mengiringi faktor-faktor lain untuk memalapkan kehidupan beragama dalam masyarakat. Berhubung hal ini, Sidi Gazalba mengulas;

Kemenangan-kemenangan perang, perluasan daerah khalifah, kemajuan ilmu dan teknik, pertumbuhan industri, perdagangan, perkembangan kesenian - melalai dan melemahkan ibadat di kalangan khalifah, orang-orang besarnya serta orang-orang kaya. Kelalaian dan kelemahan ibadat membawa kepada kenipisan taqwa, maka kejayaan membawa kepada kerosakan yang mudah diruntuhkan dari luar.<sup>12</sup>

Tulisan Anuar al-Jundi terdalulu dari ini mengukuhkan pendapat tersebut. Beliau menggariskan empat punca utama kemunduran umat Islam iaitu:<sup>13</sup>

- i. Kerosakan akhlak sebahagian para pemimpin dan pemerintah.
- ii. Kelemahan para ulamak dan sikap mengampu mereka kepada raja-raja dan pihak penguasa.
- iii. Muncul ramai pelopor ke arah membaratkan masyarakat.

---

<sup>12</sup>Lihat Drs. Sidi Gazalba, *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*, Jakarta, 1966, hlm. 173

<sup>13</sup>Lihat pandangan Anuar al-Jundi, *al-Islam fi Ma'rakat al-Taghrib*.

iv. Terdapat ramai ahli-ahli agama yang jumud dan menentang pembaharuan kerana kejahilan.

Dalam tempoh sekurang-kurangnya 6 abad lamanya, sewaktu Eropah masih berada dalam zaman kegelapan, Tamadun Islam telah berjaya mempelopori pelbagai cabang ilmu pengetahuan dan mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi.<sup>14</sup> Ramai sarjana Barat kemudiannya mengutip keilmuan dan karya ilmuwan Islam dan disebarkan ke Perancis, Britain, Jerman dan lain-lain. Eropah pula mula membangun dan memindahkan segala kesan-kesan kemajuan Arab-Islam, menterjemahkan dan sekaligus membentuk peradaban dan kebudayaan yang baru. Namun keruntuhan Empayar 'Uthmaniah menyaksikan ideologi Barat mula bertapak dan menjajahi pemikiran umat Islam berabad-abad lamanya.

Penaklukan ke atas Kota Baghdad dan kejatuhan Ibu Kota Cardova memadamkan rekod cemerlang yang ditempa selama ini. Sejak itu Inggeris mula bertapak di daerah dari Aden ke Muscat sampai ke Bahrain dan seluruh pantai Teluk Parsi. Tamparan hebat pernah berlaku sebelum itu apabila pada 13 Ogos 1079, tentera Salib dihantar ke Timur Tengah untuk menghancurkan Islam dan pada tahun 1099 mereka berjaya menawan Baitulmaqdis. Perancis pula menduduki Algeria pada tahun 1830, Tunisia pada tahun 1881, Morocco pada tahun 1901 dan Lebanon pada tahun 1860. Inggeris kemudiannya menjajah Mesir pada tahun 1882, Iraq dan Palestin pada tahun 1917, sementara Syria dijajah oleh Perancis pada tahun 1918.<sup>15</sup>

Kebangkitan cendekiawan Islam atas kesedaran perlunya perubahan (*tajdid*) hanya berupaya mencari formula untuk kembali kepada asal tetapi gagal mengembalikan kekuatan umat Islam untuk menghadapi tekanan Barat. Konflik antara dunia Islam dengan Barat lantaran lonjakan pemodenan dan pembaratan mempertembungkan budaya hidup yang asing dan selalunya bercanggah dengan syariat Islam.

Pengaruh Islam di kalangan negara-negara Islam<sup>16</sup> sendiri telah tercabar dan

---

<sup>14</sup>Untuk mengetahui sumbangan tokoh-tokoh Islam dalam bidang sains dan teknologi seperti biologi, fizik, geologi, kimia, matematik, astronomi, kejuruteraan dan lain-lain, lihat Shaharir Mohamad Zain (ed.), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*, DBP, Kuala Lumpur, 1989; lihat juga Ismail Hj. Ibrahim dan Mohd Sahri Abdul Rahman (ed.), *Ilmu dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*, IKIM, Kuala Lumpur, 1994 dan lain-lain.

<sup>15</sup>Lihat Hamed Mohd Adnan, *Krisis Timur Tengah*, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 13 dan 33.

<sup>16</sup>Terdapat lebih 50 buah Negara Islam pada hari ini dengan 1.2 bilion atau 20% penduduk dunia, seperti dicatat oleh Syed Othman Alhabshi, *An Inspiration For the Future of Islam*, IKIM, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 14.

mengalami banyak kelesuan sehingga negara-negara tersebut tidak lagi memiliki keadaan asal justeru dipagari situasi kritikal, kemurungan, ketakutan dan ada kalanya terpaksa tunduk kepada tuntutan dan kehendak barat.

Perkembangan yang berlaku sejak beberapa dekad lalu di negara-negara Islam di Timur Tengah dan Afrika telah meletakkan kekuatan ekonomi (hasil minyak) menentukan kekuatan politik dan akhirnya mempengaruhi perkembangan Islam di serata dunia. Hasilnya turut disalurkan untuk membiayai pertumbuhan dan kegiatan Islam di Burma, Singapura, Bangladesh, Pakistan, Filipina, Selatan Thailand dan juga di kalangan Black Muslims di Amerika Syarikat.<sup>17</sup> Bagaimanapun senario ini mula berubah apabila Barat mula memainkan peranan secara agresif dengan menjadikan negara-negara Islam sebagai medan ujian dan lagaan selain tekanan politik yang berterusan.

Ramai sarjana yang mempertahankan keyakinan bahawa modenisasi, perindustrian dan birokrasi ala Barat berpeluang memperolehi kejayaan yang selesa di negara-negara dalam daerah sino-confusian seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan dan tidak di kawasan yang pernah menerima agama yang diwahyukan.<sup>18</sup> Bagaimanapun senario yang disaksikan pada hari ini menyebabkan keyakinan tersebut menjadi semakin pudar.

## CABARAN TERHADAP USAHA PEMBARATAN

Syed Muhammad Naquib al-'Attas mengatakan bahawa Barat yang pernah menerima pelbagai manfaat dari pelbagai tamadun termasuk Islam telah mencampur adukkan unsur-unsur tersebut dan dijelmakan dengan acuan Barat; satu adunan yang telah melahirkan sifat-sifat penduaan (*dualism*) dalam *World-View* dan nilai kebudayaan dan tamadun tersebut; terbentuk dari pelbagai pemikiran, nilai, budaya, falsafah, dogma, doktrin dan teologi yang saling bercanggah antara satu sama lain dan inilah yang menguasai setiap bidang kehidupan dan agama Barat.<sup>19</sup>

<sup>17</sup>Lihat Mohamad Abu Bakar, "*Perspektif Islam Semasa : Suatu Tinjauan Kritis*", dalam Mahayudin Hj. Yahya (Peny.), *Islam dan Pembangunan Negara*, (Bangi: Penerbit UKM, 1986), hlm. 185.

<sup>18</sup>Lihat *Ibid*, hlm. 191.

<sup>19</sup>Al-'Attas, Syed Muhammad Naquib, "*Preliminary Thoughts on The Nature of Knowledge*", kertas kerja yang dibentangkan di Muktamar Sedunia Mengenai Pendidikan Islam Yang Pertama, Mekah, 31 Mac - 8 April, 1977, hlm. 2; lihat juga tulisannya, *Islam - The Concept of Religion and The Foundation of Ethnic and Morality*, ABIM, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 42-47.

Negara-negara Barat terutamanya kelompok negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Rusia, Great Britain dan Perancis<sup>20</sup> berjaya melonjakkan mereka sebagai peneraju dunia dan menguasai negara-negara dunia ketiga termasuk negara-negara Islam bukan saja dalam penguasaan bidang sains dan teknologi bahkan dalam percaturan politik, ekonomi dan kebudayaan. Propaganda anti Islam berlaku di mana-mana termasuk melancarkan revolusi yang bersifat kebudayaan dengan mengubah stail dan corak kehidupan masyarakat di negara-negara Islam.<sup>21</sup>

Sebahagian pengkaji Tamadun Islam bagaimanapun bersikap optimis bahawa serangan, perubahan dan pembaratan tidak berupaya mengubah kehidupan umat Islam secara keseluruhan dengan alasan mereka semakin menghayati Islam sebagai satu cara hidup. Bagaimanapun, dalam suasana keperluan dan tujuan hidup umat Islam ditentukan oleh idea kemajuan Barat dan Timur,<sup>22</sup> pembangunan yang dihalakan kepada mereka ternyata telah diterima baik.<sup>23</sup>

Serangan Barat bukan sekadar berjaya menguasai sebahagian sistem hidup masyarakat Islam malah Sekularisme<sup>24</sup> berpeluang mengubah struktur dan sistem

<sup>20</sup>Sebanyak 14 buah negara yang pernah digolongkan dalam kategori negara maju yang sering menjadi rujukan kepada masyarakat antarabangsa dan negara-negara dunia ketiga iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Switzerland, Sweden, Australia, United Kingdom, Denmark, Norway, Belgium, Perancis, Republik Persekutuan Jerman, Finland, Belanda dan Austria. Lihat H. Chenery dan M. Syrquin, *Pattens of Development, 1950 - 1970*, OUP, 1975, hlm. 10.

<sup>21</sup>Lihat Sayid Mujtaba Rukni Musavi Lari, *Western Civilisation Through Muslim Eyes*, (trans.), Guildford, 1977, hlm. 22 - 24. Mengenai revolusi kebudayaan lihat *Ibid*, hlm. 73 - 75.

<sup>22</sup>Untuk keterangan lanjut tentang perspektif Islam terhadap kemajuan barat, lihat Mohamad Abu Bakar, "*Konsep Kemajuan Moden dan Komitmen Kehidupan Muslim*", *Islamika IV*, Kuala Lumpur, 1991.

<sup>23</sup>Lihat Mohamad Abu Bakar, "*Pendirian dan Pembangunan Islamisasi dan Isu-Isu Semasa, Dengan Rujukan Kepada Tugas Generasi Ulul Albab Dalam Abad ke 21*", *Jurnal Akademik Pengajian Melayu*, Jld. I, Bil. 1, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 44

<sup>24</sup>Sekular berasal dari perkataan Latin "Saeculum", yang bererti masa dan tempat, yakni masa sekarang dan tempat didunia. Sekularisme adalah satu fahaman bahawa kehidupan seseorang itu tidak ada hubungan atau terikat dengan hukum agama yang dipercayainya, samada pada sudut perinsip atau pelaksanaannya. Lihat Hasan K. Karmi, *al-Manar*, Beirut, 1971, hlm. 622; lihat juga Taufiq 'Ali Wahabah, *Shubhat wa Inhirat fi al-Tafkir al-Islami*, Kaherah, 1978, hlm. 490; juga Ahmad Shalaby, *Muqaranah al-Adyan - al-Masihiyah*, Kaherah, 1967, hlm. 220 mengenai peranan golongan Yahudi mempelopori fahaman ini dan mensekularkan Eropah; lihat juga Muhammad al-Bahi, *al-Mujtama' al-Hadari wa Tahaddiyatuhu min Tawjih al-Qur'an al-Karim*, Kaherah, 1977, hlm. 9-10; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, ABIM, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 15. Mengenai Saeculum, sila lihat Rev Walter W. Skeat, *Etymological Dictionary of The English Language*, London, 1956, hlm. 546..



politik serta pemerintahan sesebuah negara secara keseluruhan. Berpunca dari Sekularisme inilah lahirnya berbagai fahaman moden seperti Kapitalisme, Sosialisme, Komunisme, Atheisme dan Nasionalisme yang kesemua ini pada lahirnya mempunyai pendekatan yang berbeza tetapi menuju ke arah matlamat yang sama iaitu untuk mencapai kepuasan nafsu keduniaan, bukan untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.<sup>25</sup>

Pembabitan negara-negara dunia ketiga dalam mengorak langkah menauladani kemajuan yang dicapai oleh negara kapitalis dan sosialis meletakkan materialisme dan sekularisme di tempat yang tinggi dalam skema kehidupan dan menyempitkan peranan dan nilai-nilai etika dan normatif.<sup>26</sup> Peranan pemikir Islam pula termasuk ahli teologi dan fuqaha' Islam semakin terpinggir dalam proses perancangan pembangunan sedangkan para pengkritik Islam pula seperti Max Weber dan Max Lerner terus berhujah mengatakan bahawa kepercayaan agama penganut Islam bersifat fatalis atau membantut kemajuan, sambil mengambil contoh kemunduran ummah dari segi ekonomi sebagai bukti.<sup>27</sup>

Turki adalah model sebuah negara Islam yang bertukar menjadi negara sekular. Serangan tanpa henti negara-negara Barat ke atas Turki mendorong Kamal Attartuk<sup>28</sup> melenyapkan sistem Khalifah Islam kerana Barat berpendapat bahawa nama Khalifah itu dapat membangkitkan kekuatan umat Islam. Beliau menyerap beberapa fahaman barat dalam langkah radikalnya dengan melakukan beberapa pembaharuan melalui gagasan yang dikenali sebagai *Pan Turanisme* dan Polisi Penturkian (*Turcofication*).<sup>29</sup>

Mereka cuma akan menghentikan serangan sekiranya Turki telah melenyapkan institusi khalifah, menutup sekolah-sekolah Islam dan yayasan keagamaan serta membuang kalimah yang mengatakan "Agama Negara adalah agama Islam" dalam

<sup>25</sup>Lihat Ibrahim 'Iwadai, *al-Islam wa al-Insan*, Kaherah, 1965, hlm. 236-244.

<sup>26</sup>Lihat Micheal C. Hudson, "Islam and Political Development", dalam John L. Esposito (ed.), *Islam and Development*, hlm. 2, 9, dan 4.

<sup>27</sup>Lihat Ibrahim A. Ragab, "Islam and Development", *Islamika II*, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 38.

<sup>28</sup>Nama sebenar beliau ialah Mustafa Kamal Pasha bin Ali bin Reda Beck, dilahirkan di Kota Soloniki pada tahun 1881 M, berasal dari sebuah desa di Anatolia, lihat al-Nadwi, Abu Hasan 'Ali al-Husni, *al-Sira Bayna al-Fiqrah al-Gharbiyyah fi Aqtar al-Islamiyyah*, cet. Ke II, (Lubnan: Dar al-Nadwah Li al-Tanzil, 1388 H/1968 M), hlm. 54.

<sup>29</sup>Sepertimana dipetik oleh Hamed Mohd Adnan, *Krisis Timur Tengah*, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 2.

undang-undang dasar negaranya. Dengan itu barulah Turki terselamat dari permusuhan Barat.<sup>30</sup>

Bermula dengan penghapusan sistem khalifah pada tahun 1924,<sup>31</sup> kemudian diikuti dengan penghapusan Mahkamah Syariah,<sup>32</sup> madrasah-madrasah Islam ditutup, lawatan ke tempat-tempat ibadat diharamkan, gelaran kepada tokoh-tokoh agama seperti Syeikhul Islam, al-'Allamah dan sebagainya dihapuskan,<sup>33</sup> perkahwinan secara sivil diperkenalkan tanpa perlu dijalankan upacara akad<sup>34</sup> dan banyak lagi. Akhirnya pada April tahun 1928M, Islam sebagai agama resmi negara telah dihapuskan dan digantikan dengan perkataan sekular dalam perlembagaannya kerana agama adalah dianggap hak individu dan mereka bebas memilih mana-mana anutan yang mereka suka.<sup>35</sup> Penutupan Fakulti Teologi di Universiti Istanbul pada tahun 1933 dan arahan azan diperdengarkan dalam Bahasa Turki<sup>36</sup> merupakan kemuncak gerakan sekularisme. Dalam perdebatan di parlimen pada tahun 1937, Menteri Dalam Negeri, Shukr Kaya menegaskan :

*“Dengan hanya sekularisme kita telah membuat kepastian bahawa agama tidak mempengaruhi urusan negara, biarlah agama tinggal di masjid-masjid dan di tempat ibadat sahaja. Biarlah ia tidak keluar dari dunianya”.*<sup>37</sup>

Justeru itulah bagi golongan yang berfahaman sekular, pembangunan Barat dan Timur tidak menimbulkan persoalan kerana perkiraan agama dianggap terkeluar dari kehidupan umum. Pihak yang berpendirian modenis juga tidak menghadapi banyak masalah kerana bagi mereka semangat Islam (*The Spirit of Islam*), dan bukannya syariat yang menjadi penentu dalam perjalanan hidup. Mereka tidak menolak penyerapan budaya dan pencapaian sains Eropah kerana dipercayai menguntungkan

<sup>30</sup>Ahmad Shalaby, *Masyarakat Islam*, terj. (Singapura: Pustaka National, 1976), hlm. 283.

<sup>31</sup>Mahmud, S.F., *The Story of Islam* (London: Oxford University Press, 1962), hlm. 31.

<sup>32</sup>Lewis, G.L., *Turkey* (London: Ernest Benn Ltd., 1965), hlm. 94.

<sup>33</sup>Mahmud, S.F., *op.cit.*, hlm. 314.

<sup>34</sup>Dipetik oleh Che Yusoff Che Mamat, *Sekularisme: Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, (K. Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988), hlm. 58.

<sup>35</sup>*Ibid*, hlm. 57.

<sup>36</sup>*Ibid*, hlm. 58.

<sup>37</sup>Lihat Kenneth Cragg, *Counsels in Contemporary Islam* (Edinburgh : University Press, 1965), hlm. 150.

umat ataupun atas rasa apologetik mendakwa bahawa pembangunan di Barat juga bersumberkan Islam, jadi tiada apa salahnya.<sup>38</sup>

## PANDANGAN PARA ORIENTALIS

Selain dari gerakan Missionary yang telah memulakan gerakannya menyerang Islam sejak tahun 1830-an lagi, pandangan para orientalis turut mengisi ruang pemikiran Umat Islam dengan pelbagai tafsiran. Gerakan ini mempunyai matlamat untuk menghancurkan roh, kekuatan dan semangat jihad umat Islam serta berusaha menjauhkan elemen Islam dari kehidupan berpolitik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Sungguhpun begitu keadaannya, terdapat para orientalis yang meyakini keupayaan Islam menghadapi cabaran tersebut. Losin Yora umpamanya berkata :

*“Islam itu sesuai dengan kemajuan yang ada pada hari ini, kemajuan yang pernah dicapai oleh Islam di negara yang pernah diperintahnya menunjukkan bahawa Islam boleh mengikut peredaran seiring dengan kemajuan yang ada. Islam akan terus wujud bagi zaman yang akan datang”*.<sup>39</sup>

Begitu juga orientalis seperti Margaliouth<sup>40</sup> nampaknya juga bersikap adil terhadap Islam dalam tulisannya dan mengakui Islam akan terus berkembang di Afrika, Asia, Eropah dan Amerika serta menolak pandangan rakan-rakannya bahawa kemunduran umat Islam berpunca dari Islam sendiri. Katanya:

*“Demikianlah sesudah enam tahun berakhirnya pemerintahan khalifah, mulai tahun 1924M kita dapati Islam akan terus hidup malah seakan-akan tidak merasai langsung akan adanya satu keruntuhan yang besar dalam diri dan kekuatannya”*.

---

<sup>38</sup>Lihat Mohamad Abu Bakar, “Pendirian dan Pembangunan Islamisasi dan Isu-Isu Semasa, Dengan Rujukan Kepada Tugas Generasi Ulul Albab Dalam Abad ke 21”, *Jurnal Akademi Pengajian Melayu*, Jld. I, Bil. I, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 44.

<sup>39</sup>Lihat Losin Yora, *Majallah al-Zahra'*, Sya'ban 1343 H, Jld. I, hlm. 496.

<sup>40</sup>Lihat keseluruhan tulisan Margaliouth berhubung hal ini dalam *Majallah al-Hilal*, jld. 16, 1906. sepertimana dipetik oleh Anuar al-Jundi, *op.cit.*, hlm. 19.

Pandangan ini bercanggah dengan penegasan Padri Lamnes al-Yasue'ii<sup>41</sup> yang melahirkan banyak kesilapan pandangannya terhadap Islam akibat rasa fanatiknya. Orientalis seperti H.A.R. Gibb bagaimanapun menyokong pandangan yang optimis bahawa Islam akan terus berkembang walaupun gerakan Missionary terus mempelbagaikan taktiknya. Beliau berpendapat dan berkeyakinan bahawa racun dan pengaruh Barat terhadap Islam sama sekali tidak akan memusnahkan Islam, bahkan umat Islam akan kembali bersatu kerana mereka diikat oleh persamaan aqidah dan keyakinan.<sup>42</sup>

### **PENYELEWENGAN TERHADAP SUMBER WAHYU**

Cabaran lain yang telah dan sedang dihadapi ialah melalui aktiviti-aktiviti penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an. Di segi sejarah, usaha pertama menterjemahkan al-Qur'an dimulakan pada zaman Khalifah Hisham bin 'Abd al-Malik<sup>43</sup> (724 - 743M) ke dalam Bahasa Syrianio (antara bahasa termaju pada era tersebut dan naskah tersebut sekarang ini tersimpan di Muzium London). Oleh kerana al-Qur'an merupakan sumber induk umat Islam, gerakan Missionary telah cuba melakukan usaha-usaha penterjemahan al-Qur'an yang sengaja dicampur baurkan dengan penyelewengan dan berisi tokok tambah. Cetakan teks-teks terjemahan ini telah dimulakan sejak tahun 1457M melalui 34 versi terjemahan dan diedarkan secara meluas ke seluruh dunia dan ia dianggap sebagai terjemahan yang sebenarnya. Usaha perterjemahan secara giat hanya dimulakan atas arahan Batros Pizabeles, Ketua Gereja Kalnit mulai tahun 1143M, tetapi terjemahan ini tersimpan lebih 400 tahun lamanya barulah dicetak pada tahun 1543M. Sesudah itu barulah al-Qur'an diterjemahkan ke bahasa-bahasa Itali dan Belanda (1641M), Peranchis (1647M), Jerman (1616M), Rusia (1776M) dan Itali ke Inggeris (1734M), Ibrani (1782M), Iaram (1790M), Parsi (1821M), Singal (1908M), Turki<sup>44</sup> (1913M), dan

---

<sup>41</sup>Perhatikan pandangan fanatik Padri Lamnes al-Yasue'ii dalam tulisannya, *al-Masyriq*, jld. 28, 1930, hlm. 738.

<sup>42</sup>Lihat tulisan H.A.R. Gibb, dalam *Majallah al-Hilal*, Jld. 47, 1950, hlm. 873.

<sup>43</sup>Beliau adalah khalifah ke 10 dalam siri Khulafa' Bani Umayyah. Di antara enam orang khalifah pada zaman keruntuhan Bani Umayyah, beliau dianggap yang terbaik di segi keperibadian dan kecekapan pentadbiran. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Sejarah dan Pemikiran Islam*, Penerbitan Pena, 1981, hlm. 114.

<sup>44</sup>Negara Islam pertama yang melakukan penterjemahan al-Qur'an dan menggegarkan dunia Arab, lihat Anuar al-Jundi, *op.cit.*, hlm. 49.

Bahasa Melayu (1913M). Seperti yang dijangka kesemua hasil terjemahan dan pentafsiran tersebut dikesan mengandungi banyak kesilapan di banyak tempat dan bahagian.<sup>45</sup>

Menyedari situasi dan cabaran yang merbahaya ini, Syeikh Mustafa al-Maraghi, Syeikh al-Azhar ketika itu mencetuskan idea dan saranan untuk menterjemahkan dan mentafsirkan al-Qur'an secara sempurna pada tahun 1929. Setelah menghadiri beberapa siri pertemuan dan perdebatan, ilmuan Islam dari semua mazhab akhirnya mencapai suatu resolusi yang mengharuskan penterjemahan melalui siaran resmi dalam Akhbar al-Ahram pada 7 Julai 1932.<sup>46</sup>

## PENUTUP

Cabaran dari usaha-usaha pembaratan berlangsung dalam tiga tahap iaitu usaha penaklukan, penerapan ideologi dan era imperialisme bentuk baru (*New Imperialisme Era*) di mana Barat mula menguasai sistem pemerintahan, memeras sumber-sumber kekayaan dan mengikis warisan budaya di negara-negara yang dijajah. Agak sukar untuk menunjukkan kepada dunia sebuah negara yang benar-benar bercorak keislaman kerana umat Islam sendiri memakai kebudayaan barat dan negara-negara orang Islam juga memakai undang-undang Barat<sup>47</sup> sebagai sistem utama perundangan negara.

Di Malaysia, kebangkitan Islam menyerlah pada tahun-tahun 70-an dengan munculnya beberapa kumpulan dan pergerakan Islam.<sup>48</sup> Barangkali aktiviti pada tahun-tahun tersebut telah membuahkan sedikit hasil. Usaha-usaha penerapan dasar keislaman dalam pentadbiran negara kini giat dilaksanakan dengan pelbagai langkah dan program samada melibatkan egensi kerajaan<sup>49</sup> mahupun bukan kerajaan.

---

<sup>45</sup>*Ibid* hlm. 47 - 50.

<sup>46</sup>*Ibid*, hlm. 49.

<sup>47</sup>Lihat ulasan Maryam Jameelah berhubung hal ini dalam "*Seruan Islam Kepada Manusia Moden*", terj., *Roh Islam*, Ogos 1975, hlm. 11.

<sup>48</sup>Lihat keseluruhan, Zainah Anwar, *Islamic Revivalism in Malaysia*, (Tesis Sarjana yang disunting untuk penerbitan), Pelanduk Publication, 1987

<sup>49</sup>Lihat Husin Mutalib, *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Oxford University Press, Singapura, 1990, hlm. 134 - 150 mengenai dasar-dasar termasuk program dan aktiviti keislaman yang dianjurkan/ditaja di seluruh negara.

Tegasnya umat Islam kini semacam baru mengatur langkah. Terlalu banyak ruang kosong yang ditinggalkan untuk kita membina semula tamadun menurut acuan dan identiti Islam<sup>50</sup> dan dalam tempoh yang sama proses pembaratan masih terus berlaku.

---

<sup>50</sup>Lihat Abdullah Yusof, "*Isu-Isu Pembinaan Tamadun Islam*", *Dakwah*, (Januari), Yadim, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 18.